

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : Y.B. DATO' ROSOL BIN WAHID**  
**[HULU TERENGGANU]**

**SOALAN NO. 383**

**Y.B. DATO' ROSOL BIN WAHID [ HULU TERENGGANU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah terdapat syarikat-syarikat tertentu yang dikecualikan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST), memandangkan ada di kalangan syarikat-syarikat tersebut dikatakan tidak mengisytiharkan pulangan SST setiap 2 bulan mengikut tempoh bercukai. Jika ada nyatakan jumlah dan nama-nama syarikat terbabit.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara amnya, cukai jualan dikenakan pada peringkat pengilang atau pengimport, manakala cukai perkhidmatan dikenakan di peringkat penyedia perkhidmatan tertentu seperti yang disenaraikan di bawah Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018. Nilai *threshold* bagi tujuan pendaftaran di bawah cukai jualan dan cukai perkhidmatan adalah RM500,000 kecuali bagi perkhidmatan restoran yang ditetapkan pada nilai ambang RM1.5 juta, kad kredit dan kad caj. Sehubungan itu, mana-mana pengilang atau penyedia perkhidmatan yang tidak mencapai *threshold* yang ditetapkan tidak perlu berdaftar di bawah cukai jualan atau cukai perkhidmatan, dan seterusnya tidak perlu mengisytihar dan menghantar penyata mengikut tempoh bercukai yang ditetapkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan syarikat yang berdaftar bagi tempoh dari 1 September 2018 sehingga 14 Mac 2019 adalah sebanyak **74,056** perniagaan. Daripada bilangan tersebut, sebanyak **24,565** adalah berdaftar di bawah cukai jualan manakala sebanyak **49,491** adalah berdaftar di bawah cukai perkhidmatan.